



Jawatankuasa Tetap
Pemberdayaan Wanita dan Keluarga

APRIL 2026

LAPORAN ANALISIS

PERBINCANGAN MEJA BULAT - RTD 2
KRISIS ASIA BARAT – IMPAK TERHADAP USAHAWAN
DAN PEMBERDAYAAN EKONOMI WANITA



Disediakan oleh

WBS
WANITA BERDAYA SELANGOR



PERBINCANGAN MEJA BULAT 2 | APRIL 2026

EKONOMI WANITA

“KRISIS ASIA BARAT – IMPAK TERHADAP USAHAWAN DAN PEMBERDAYAAN

EKONOMI WANITA”

Laporan ini disediakan oleh Jabatan Strategi dan Dasar, Wanita Berdaya Selangor (WBS). Kami menghargai segala input dan maklum balas yang diberikan sepanjang sesi perbincangan meja bulat dijalankan.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada semua pemegang taruh yang hadir ke Perbincangan Meja Bulat yang terdiri daripada YB Puan Anfaal Saari, Para *Discussant* jemputan iaitu Puan Shakira Teh (World Bank Malaysia), Puan Siti Rosni Adilah (INSKEN) dan Ts. Ainarull Assikin (Pengarah Urusan Consolidated Legend (M) Sdn. Bhd. serta wakil-wakil Pejabat EXCO, Agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan merangkumi Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP), *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA), Institut Keusahawanan Negara (Inskan), TERAJU, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Yayasan Hijrah Selangor, TalentCorp, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) serta Ahli Akademik dan Badan Pemikir, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan Bukan Kerajaan (NGO) & Masyarakat Sivil dan Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri yang berkaitan

Mengenai WBS

Wanita Berdaya Selangor (WBS) telah ditubuhkan pada tahun 2021 bagi merealisasikan Dasar Wanita Selangor menerusi tiga (3) teras utama iaitu Pembangunan Dasar dan Polisi, Pemberdayaan Wanita dan Pembangunan Kapasiti. WBS juga merupakan anak Syarikat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dan bertindak sebagai badan pelaksana inisiatif dan program pemberdayaan wanita di bawah Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita & Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Ekonomi Penjagaan (*Care Economy*) Negeri Selangor.

Untuk keterangan lanjut, sila layari laman sesawang WBS di www.wbselangor.org.my atau 03 – 5545 4879

Copyright © 2026 oleh

Wanita Berdaya Selangor Sdn. Bhd.

Level G, Bangunan IDCC, Jalan Pahat L 15/L

Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

ISI KANDUNGAN

Pendahuluan 4 - 7
Ucapan Alu-Aluan 8 - 9
Sesi Perkongsian Discussant dan Perbincangan 10 - 14
Meja Bulat	
Cadangan Penambahbaikan dan Resolusi 15 - 17
Lensa Perbincangan Meja Bulat 18

PENDAHULUAN

Laporan ini disediakan bagi mengumpul segala cadangan, sumbangsaran dan resolusi dalam satu dokumen untuk rujukan semua pihak berkepentingan, justeru satu perbincangan meja bulat (*Roundtable Discussion - RTD*) telah dilaksanakan oleh Wanita Berdaya Selangor (WBS) pada 29 April 2026 (Rabu) bertempat di Bilik Mesyuarat kekwa, Seksyen Sektor, Tingkat Bawah 5, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS), 40503 Shah Alam.

Usahawan wanita dan golongan belia merupakan tunjang utama kepada kestabilan ekonomi Malaysia, terutamanya dalam memacu sektor perusahaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS) serta memperkukuh ekonomi setempat. Data terkini menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 219,015 perusahaan milikan wanita di Malaysia pada tahun 2022, mewakili 20.1 peratus daripada keseluruhan perniagaan¹, Selangor terus mendominasi landskap ini dengan menyumbang penyertaan tertinggi iaitu sebanyak 15.9% daripada jumlah keseluruhan perniagaan wanita tersebut.

Selain wanita, penglibatan golongan belia dalam keusahawanan turut menunjukkan perkembangan positif, dengan 71,112 perusahaan milikan belia (6.5%) direkodkan, di mana Selangor menyumbang sebanyak 19,888 perusahaan (28%), mencerminkan peranan negeri ini sebagai hab utama keusahawanan negara. Statistik ini membuktikan betapa kritikalnya peranan Selangor dalam membentuk ekosistem keusahawanan wanita dan belia yang inklusif di Malaysia.

Walau bagaimanapun, struktur perniagaan wanita pada masa kini dilihat sangat tertumpu kepada sektor perkhidmatan yang merangkumi 93.6% daripada keseluruhan perniagaan mereka. Bidang utama yang diceburi adalah perdagangan borong dan runcit (45%) serta makanan dan minuman (31%). Tumpuan yang tinggi pada sektor ini sering kali melibatkan margin keuntungan yang terhad, sekali gus menghadkan potensi mereka untuk beralih ke tahap produktiviti yang lebih tinggi.

¹ <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/219015-pertubuhan-milikan-wanita-beroperasi-pada-2022-selangor-tertinggi-518793>

Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperkukuh keusahawanan wanita dan belia melalui pendekatan pembangunan kapasiti, pembiayaan dan akses pasaran. Antaranya termasuk pelaksanaan Dana Ekonomi Usahawan Wanita (DEWI) oleh KUSKOP², program Wanita Bangkit oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, serta skim pembiayaan seperti DanaNITA³ oleh Majlis Amanah Rakyat dan program pembiayaan serta latihan oleh TEKUN Nasional⁴. Inisiatif ini dilengkapi dengan program pembangunan keusahawanan dan pengantarabangsaan oleh SME Corp. Malaysia, INSKEN dan MATRADE.

Di peringkat negeri, Kerajaan Negeri Selangor turut memperkenalkan pelbagai inisiatif termasuk Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS) yang menyediakan geran sehingga RM30,000 kepada usahawan mikro⁵, serta program pembangunan kapasiti melalui Wanita Berdaya Selangor dan inisiatif keusahawanan belia seperti program Hijrah Selangor⁶. Pendekatan ini menunjukkan komitmen berterusan dalam memperkukuh ekosistem keusahawanan di peringkat negeri.

Memasuki tahun 2026, cabaran usahawan wanita menjadi semakin kompleks berikutan tercetusnya Krisis Asia Barat. Ketidaktentuan geopolitik ini telah menyebabkan gangguan serius kepada rantai bekalan global, peningkatan mendadak harga tenaga, serta lonjakan kos logistik. Kesan limpahan ini dirasai secara langsung oleh usahawan di Malaysia melalui kenaikan kos bahan mentah yang menjejaskan keuntungan operasi perniagaan berskala kecil.

Data antarabangsa menunjukkan bahawa konflik sebegini memberi impak yang tidak seimbang (*disproportionate*) terhadap wanita. Usahawan wanita didapati

² <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/inisiatif-dewi-kuskop-lulus-dana-rm3-bilion-perkasa-usahawan-wanita>

³ <https://www.mara.gov.my/en/index/ent-menu/support-facilities/ent-business-finance/dananita/#:~:text=Objectives>

⁴ <https://www.suarakeadilan.my/post/tekn-nasional-lancar-program-wanita-kaseh-tawar-pembiayaan-latihan#:~:text=Sehubungan%20itu%2C%20satu%20program%20baharu,mikro%20terutama%20me mbabitkan%20golongan%20wanita>

⁵ <https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/136-usahawan-terima-dana-usahawan-madani-selangor-dums/#:~:text=SHAH%20ALAM%2C%2011%20Oktober,4%20juta>

⁶ <https://dewan.selangor.gov.my/question/usahawan-belia-dan-wanita-2/#:~:text=Kerajaan%20Negeri%20Selangor%20di%20bawah,ini%20demografik%20terperinci%20m engenai%20pemohon>

lebih terdedah kepada ketidakstabilan ekonomi berbanding kumpulan lain kerana majoriti mereka beroperasi dalam sektor tidak formal atau mempunyai kapasiti rizab kewangan yang terhad. Krisis ini bukan sahaja mengancam kelestarian perniagaan tetapi juga kestabilan pendapatan isi rumah yang bergantung kepada mereka.

Selain faktor luaran global, jurang struktur domestik yang sedia ada turut memburukkan keadaan, terutamanya isu "missing middle". Usahawan wanita sering kali sukar untuk berkembang daripada skala mikro kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) disebabkan akses yang terhad kepada pembiayaan berskala sederhana dan besar. Tanpa suntikan modal yang mencukupi, keupayaan mereka untuk menyerap kejutan ekonomi akibat krisis global menjadi sangat lemah.

Dari sudut teknologi, walaupun inisiatif seperti *EmpowerHER Digital* telah membantu, namun masih terdapat jurang literasi digital yang ketara. Penggunaan analitik data dan integrasi teknologi dalam operasi masih belum dimanfaatkan sepenuhnya untuk membantu usahawan wanita meramal risiko pasaran akibat konflik geopolitik. Transformasi digital yang strategik kini bukan lagi satu pilihan, tetapi satu keperluan mutlak untuk memastikan kelangsungan perniagaan.

Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk menilai semula pendekatan pembangunan keusahawanan wanita daripada perspektif ekosistem yang menyeluruh. Fokus utama perlu beralih ke arah membina daya tahan (resilience) melalui akses pasaran bernilai tinggi dan transformasi digital bagi menghadapi implikasi Krisis Asia Barat. Melalui perbincangan meja bulat ini, diharapkan satu pelan dasar yang lebih bersasar dapat dirangka demi memastikan pemberdayaan ekonomi wanita di Selangor kekal utuh.

OBJEKTIF PERBINCANGAN MEJA BULAT (RTD)

1. Menjadi platform strategik bagi menilai kesan langsung krisis Asia Barat terhadap kelangsungan perniagaan usahawan wanita dan belia, khususnya dari aspek peningkatan kos operasi dan gangguan rantaian bekalan.
2. Mengenal pasti jurang struktur dalam ekosistem keusahawanan yang menyumbang kepada kekangan pertumbuhan usahawan wanita, termasuk tumpuan kepada perusahaan mikro, akses terhad kepada pembiayaan berskala sederhana dan besar, serta penyertaan yang rendah dalam pasaran bernilai tinggi.
3. Memperkukuh dasar perlindungan ekonomi dan menilai keberkesanan inisiatif sedia ada dan merangka strategi intervensi yang lebih bersepadu bagi memperkukuh perlindungan pendapatan serta keselamatan ekonomi wanita dalam mendepani ketidaktentuan global.
4. Mengumpul cadangan intervensi dan pendekatan dasar yang lebih bersepadu dan berimpak tinggi bagi memperkukuh ekosistem keusahawanan wanita dan belia, termasuk memperluas akses kepada pembiayaan pertumbuhan, memperkukuh jaringan pasaran, serta meningkatkan keupayaan digital dan inovasi dalam jangka pendek, sederhana dan panjang.

UCAPAN ALU-ALUAN YB PUAN ANFAAL BINTI SAARI

Ucapan Alu-Aluan yang telah disampaikan oleh **YB Puan Anfaal Binti Saari**, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita & Keluarga Negeri Selangor. Dalam ucapan pembukaan tersebut, beliau menekankan bahawa krisis Asia Barat perlu dilihat bukan sahaja dari sudut geopolitik dan ekonomi makro, tetapi juga dari sudut impaknya terhadap kesejahteraan sosial dan golongan rentan, khususnya wanita, warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan kanak-kanak. Beliau memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor sebelum ini telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama pakar ekonomi dan pemain industri bagi membincangkan strategi menghadapi impak krisis semasa, memandangkan Selangor merupakan pemacu utama ekonomi negara. Menurut beliau, kegagalan memahami bentuk dan kesan sebenar krisis boleh menyebabkan intervensi yang dilaksanakan tidak tepat dan kurang berkesan, sebagaimana yang pernah berlaku ketika pandemik COVID-19.

Dalam masa yang sama, beliau menegaskan bahawa pendekatan menangani krisis tidak boleh tertumpu kepada sektor ekonomi semata-mata, tetapi perlu mengambil kira impak sosial terhadap kumpulan rentan. Beliau berpandangan bahawa setiap intervensi perlu dirangka secara strategik kerana polisi jangka pendek hari ini akan memberi kesan jangka panjang kepada generasi akan datang. Beliau turut menjelaskan bahawa pendekatan GOF tahun ini berbeza apabila siri RTD dilaksanakan secara lebih mendalam dan bersasar mengikut tema semasa bagi memastikan input yang diperolehi dapat diterjemahkan kepada cadangan dasar yang lebih praktikal dan berimpak tinggi.

Selain itu, beliau turut menekankan bahawa situasi krisis perlu dilihat sebagai peluang untuk memperkukuh daya tahan ekonomi dan meningkatkan keupayaan daya saing usahawan wanita melalui penggunaan teknologi, inovasi dan pendekatan baharu yang lebih mampan. Dalam konteks ini, beliau memaklumkan bahawa segala dapatan dan cadangan hasil RTD akan diangkat kepada Jawatankuasa Task Force Ekonomi Negeri Selangor bagi memastikan isu berkaitan ekonomi wanita dan golongan rentan diberikan perhatian dalam perancangan dasar negeri.

UCAPAN ALU-ALUAN YBRS PUAN SITI FARIDAH BINTI ABDUL SAMAD

YBrs Puan Siti Faridah binti Abdul Samad, Ketua Pegawai Eksekutif Wanita Berdaya Selangor dalam ucapan alu-aluannya memaklumkan bahawa WBS merupakan antara agensi terawal yang mengambil inisiatif untuk menganjurkan sesi perbincangan strategik berkaitan impak krisis Asia Barat terhadap ekonomi wanita selepas pengumuman awal oleh Kerajaan Negeri Selangor. Beliau menjelaskan bahawa RTD 2 ini merupakan sebahagian daripada pendekatan baharu dalam pelaksanaan *Gender Outlook Forum (GOF) 2026*, yang menampilkan lima RTD bertemakan isu semasa dan strategik. Menurut beliau, pendekatan ini dilaksanakan bagi memastikan perbincangan yang lebih mendalam dan berfokus dapat dijalankan, seterusnya menghasilkan resolusi yang lebih praktikal dan relevan dengan cabaran semasa.

Dalam masa yang sama, beliau menegaskan kepentingan memperkukuh dasar perlindungan ekonomi wanita melalui kerjasama strategik bersama pelbagai agensi kerajaan negeri dan persekutuan seperti PKNS, PKPS dan Yayasan Hijrah. Beliau berharap resolusi yang dirumuskan melalui RTD ini dapat dipanjangkan kepada agensi berkaitan bagi tujuan penambahbaikan dasar dan pelaksanaan intervensi yang lebih efektif. Beliau turut berkongsi beberapa inisiatif sedia ada oleh WBS seperti Program Pemberdayaan Pusat Wanita Berdaya (PWB) yang telah dilaksanakan lebih 15 tahun di 56 DUN di Selangor serta program Usahanita Digital yang berjaya membantu usahawan wanita menembusi pasaran serantau termasuk China, Brunei dan Singapura.

Selain itu, beliau turut menekankan bahawa pendekatan memperkukuh ekonomi wanita perlu bergerak seiring dengan perubahan teknologi dan ekonomi semasa, termasuk melalui penggunaan platform digital, pembangunan kapasiti dan akses kepada pembiayaan yang lebih inklusif. Sehubungan itu, beliau berharap RTD ini dapat menghasilkan cadangan yang komprehensif dan berimpak tinggi bagi membantu kerajaan negeri merangka intervensi jangka pendek dan jangka panjang yang lebih mampan dan responsif terhadap cabaran ekonomi global semasa.

SESI PERKONGSIAN DISCUSSANT DAN PERBINCANGAN MEJA BULAT

Sesi perkongsian bersama Discussant jemputan dikemudi oleh Puan Rusni Tajari, Pengurus Kanan Strategi dan Dasar bersama Puan Shakira Teh (The World Bank), Puan Siti Rosni Adilah (INSKEN) dan Ts. Ainarull Assikin (Pengarah Urusan Consolidated Legend (M) Sdn. Bhd.

Kemudian sesi perbincangan meja bulat telah berlangsung secara interaktif dengan penglibatan pelbagai pemegang taruh daripada agensi kerajaan, institusi pembangunan ekonomi, badan pemikir, pemain industri, institusi kewangan, organisasi masyarakat sivil serta usahawan tempatan. Dapatan perbincangan menunjukkan bahawa krisis Asia Barat memberi kesan yang meluas bukan sahaja kepada ekonomi global dan industri berskala besar, malah turut memberi impak langsung kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), khususnya usahawan wanita dan golongan rentan.

Secara keseluruhannya, perbincangan menekankan bahawa krisis semasa perlu dilihat bukan sekadar sebagai cabaran jangka pendek, tetapi sebagai pemangkin kepada keperluan transformasi struktur ekonomi, pengukuhan daya tahan sosial dan penambahbaikan ekosistem sokongan kepada usahawan wanita. Antara intipati sesi perkongsian oleh para *Discussant* dan perbincangan meja bulat adalah seperti berikut;

1. Impak Krisis Asia Barat Terhadap Ekonomi dan Rantaian Bekalan

Krisis Asia Barat telah memberi kesan langsung kepada kestabilan ekonomi melalui peningkatan kos tenaga, gangguan rantaian bekalan global serta peningkatan kos operasi perniagaan. Menurut perkongsian daripada pihak World Bank, dua kesan utama yang dijangka memberi tekanan kepada ekonomi domestik adalah peningkatan kos petroleum dan kos elektrik yang berkait rapat dengan harga bahan api global. Walaupun sebahagian kos bahan api masih diserap melalui subsidi kerajaan, ketidaktentuan geopolitik semasa berpotensi meningkatkan tekanan fiskal dan kos operasi dalam jangka masa sederhana dan panjang.

Selain itu, beberapa kesan limpahan (*spillover effects*) turut dikenal pasti, termasuk peningkatan kos pengeluaran dalam sektor pembuatan yang bergantung kepada petroleum dan bahan mentah import, kenaikan kos logistik dan penghantaran, serta peningkatan harga makanan dan keperluan asas. Situasi ini memberi tekanan yang lebih besar kepada PMKS yang beroperasi dengan margin keuntungan yang kecil dan bergantung kepada aliran tunai harian.

Dalam konteks industri pembinaan, wakil industri memaklumkan bahawa kenaikan harga diesel, bahan binaan seperti pasir, simen dan batu bata telah memberi kesan ketara kepada kos pelaksanaan projek. Keadaan menjadi lebih mencabar apabila kebanyakan kontrak semasa tidak lagi memasukkan elemen *Variation of Price* (VOP), menyebabkan kontraktor perlu menyerap kenaikan kos tanpa semakan semula harga kontrak.

Perbincangan turut menekankan bahawa walaupun impak krisis tidak berlaku secara mendadak seperti ketika pandemik COVID-19, situasi semasa masih memerlukan perancangan awal dan langkah mitigasi yang lebih strategik bagi mengelakkan tekanan ekonomi yang berpanjangan..

2. Impak Usahawan Wanita dan Golongan Rentan

Perbincangan secara konsisten menekankan bahawa wanita dan golongan rentan merupakan kumpulan yang paling mudah terkesan dalam situasi krisis ekonomi. Krisis semasa dijangka memberi tekanan kepada usahawan wanita melalui peningkatan kos operasi, penyusutan margin keuntungan serta ketidakstabilan aliran tunai. Dalam banyak situasi, usahawan mikro dan kecil yang dikendalikan oleh wanita beroperasi dengan kapasiti kewangan yang terhad, menyebabkan mereka lebih terdedah kepada risiko kejutan ekonomi (*cash flow shock*).

Selain itu, wanita juga berhadapan dengan tanggungjawab penjagaan keluarga yang lebih tinggi, termasuk kos pengasuhan anak, penjagaan warga emas dan pengurusan keperluan isi rumah. Dalam keadaan kos sara hidup yang meningkat,

tekanan ini boleh menjejaskan keupayaan wanita untuk kekal aktif dalam sektor pekerjaan dan keusahawanan.

Perbincangan turut membangkitkan bahawa ketika situasi krisis, ramai wanita dan golongan rentan akan mencari sumber pendapatan tambahan bagi menampung keperluan keluarga. Namun begitu, terdapat cabaran dari segi akses kepada maklumat bantuan, pembiayaan dan program sokongan yang sering kali tidak sampai kepada kumpulan sasaran secara efektif.

Dalam masa yang sama, beberapa peserta turut menegaskan bahawa isu berkaitan wanita tidak seharusnya hanya dilihat dari sudut keperluan bantuan semata-mata, sebaliknya perlu memberi fokus kepada pembangunan daya tahan dan kelestarian ekonomi wanita dalam jangka panjang. Pendekatan yang terlalu bergantung kepada bantuan bersifat sementara dilihat tidak mencukupi untuk memastikan wanita mampu berkembang dan kekal berdaya saing dalam ekonomi semasa

3. Ekosistem Sokongan dan Capaian Maklumat

Salah satu isu utama yang dibangkitkan dalam perbincangan adalah berkaitan ekosistem sokongan usahawan serta kesukaran untuk menyelaraskan maklumat berkaitan bantuan, pembiayaan dan program pembangunan kapasiti. Walaupun terdapat pelbagai agensi yang menyediakan bantuan kepada usahawan wanita seperti WBS, Yayasan Hijrah, INSKEN, TERAJU, PKNS dan agensi lain, namun maklumat berkaitan program dan inisiatif sering kali tidak diselaraskan secara berpusat. Keadaan ini menyebabkan ramai usahawan, khususnya di peringkat mikro dan komuniti, tidak mengetahui bantuan yang bersesuaian dengan keperluan mereka.

Perbincangan turut menekankan bahawa pengurusan data sedia ada masih belum cukup efektif untuk menyokong perancangan dasar yang lebih bersasar. Walaupun pelbagai data berkaitan wanita dan ekonomi dikumpulkan oleh agensi kerajaan, terdapat kekangan dalam penyelarasan data serta kesukaran untuk mendapatkan gambaran yang lebih terperinci mengikut kategori dan lokaliti tertentu.

Dalam masa yang sama, terdapat pandangan bahawa data semata-mata tidak mencukupi sekiranya tidak disertakan dengan hala tuju dasar yang jelas. Oleh itu, keperluan kepada sistem data yang lebih bersepadu dan *evidence-based* dilihat penting bagi memastikan setiap intervensi yang dilaksanakan benar-benar memenuhi keperluan kumpulan sasaran..

4. Pendigitalan, Ai dan Transformasi Model Perniagaan

Perbincangan turut menyentuh kepentingan amalan kerja fleksibel seperti *Work from Home (WFH)* dan *Flexible Work Arrangement (FWA)* sebagai antara mekanisme penting dalam memperkukuh penyertaan wanita dalam pasaran buruh. Pengalaman ketika pandemik COVID-19 menunjukkan bahawa pelaksanaan WFH bukan sahaja membantu mengurangkan kos operasi dan mobiliti, malah turut membuka ruang kepada wanita untuk kembali aktif dalam pekerjaan dan perniagaan tanpa perlu meninggalkan tanggungjawab penjagaan keluarga.

Dalam konteks semasa, beberapa peserta berpandangan bahawa pendekatan kerja fleksibel tidak seharusnya dilihat sebagai langkah sementara ketika krisis semata-mata, tetapi perlu dipertimbangkan sebagai dasar jangka sederhana dan panjang yang lebih inklusif dan responsif terhadap keperluan tenaga kerja masa hadapan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan dasar ini turut berdepan cabaran tertentu, khususnya bagi sektor yang memerlukan kehadiran fizikal seperti pembinaan dan operasi lapangan. Oleh itu, pendekatan yang lebih fleksibel dan mengikut kesesuaian sektor dilihat penting bagi memastikan keberkesanan pelaksanaannya.

5. Pembiayaan, Aliran Tunai dan Jaringan Keselamatan Sosial

Perbincangan mendapati bahawa isu aliran tunai (*cash flow*) merupakan antara cabaran utama yang dihadapi oleh usahawan mikro dan kecil ketika situasi krisis. Walaupun kebanyakan usahawan masih mampu meneruskan operasi perniagaan, peningkatan kos bahan mentah, logistik dan utiliti telah menyebabkan margin keuntungan semakin mengecil, sekali gus menghadkan kemampuan untuk berkembang ke peringkat yang lebih tinggi.

Dalam konteks ini, akses kepada pembiayaan jangka pendek dan sokongan kewangan dikenal pasti sebagai elemen penting dalam memastikan kelangsungan perniagaan. Beberapa agensi pembiayaan turut berkongsi inisiatif seperti pembiayaan mikro, pembiayaan digital serta bantuan modal kerja yang lebih cepat dan fleksibel bagi membantu usahawan menghadapi tekanan aliran tunai semasa.

Selain itu, keperluan untuk memperkukuh jaringan keselamatan sosial turut dibangkitkan, khususnya bagi pekerja sektor *gig*, pekerja informal dan usahawan kecil yang masih belum dilindungi secara menyeluruh di bawah skim perlindungan sosial sedia ada. Dalam masa yang sama, terdapat juga cadangan untuk memperluaskan bentuk bantuan yang lebih fleksibel dan memenuhi keperluan semasa bagi membantu isi rumah menghadapi masalah kewangan semasa krisis.

6. Peluang Ekonomi Baharu dan Keperluan Pendekatan Dasar Yang Lebih Mampan

Perbincangan turut melihat situasi ini sebagai peluang untuk membangunkan sektor ekonomi baharu dan memperkukuh daya tahan ekonomi tempatan. Antara peluang yang dikenal pasti termasuk peningkatan potensi sektor pelancongan domestik dan serantau susulan perubahan trend perjalanan global, peluang menarik pelaburan asing yang mencari lokasi operasi yang lebih stabil, serta pertumbuhan ekonomi digital dan sektor penjagaan (*care economy*).

Dalam masa yang sama, beberapa peserta turut menekankan bahawa pendekatan dasar berkaitan ekonomi wanita perlu beralih daripada bantuan subsidi jangka pendek kepada pembangunan ekosistem ekonomi yang lebih mampan dan berdaya tahan. Pendekatan ini termasuk memperkukuh pembangunan kapasiti strategik, melahirkan usahawan wanita sebagai mentor komuniti, serta membangunkan model ekonomi yang memberi impak kolektif kepada masyarakat.

Secara keseluruhannya, perbincangan menunjukkan bahawa krisis Asia Barat perlu dilihat sebagai pemangkin kepada perubahan struktur ekonomi dan sosial yang lebih inklusif, progresif dan mampan, khususnya dalam memperkukuh kedudukan wanita dalam ekonomi negeri dan negara.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN DAN RESOLUSI

Berdasarkan dapatan dan pandangan yang dikemukakan sepanjang sesi perbincangan, beberapa resolusi strategik telah dirumuskan sebagai cadangan kepada Kerajaan Negeri Selangor dan agensi berkaitan bagi memperkukuh daya tahan ekonomi wanita serta meningkatkan kesiapsiagaan usahawan dalam mendepani ketidaktentuan ekonomi global.

1. Integrasi Ekosistem dan Portal Usahawan Berpusat

Pusat data dan portal usahawan berpusat perlu diwujudkan sebagai *single entry point* bagi menyelaraskan semua bentuk bantuan, maklumat pasaran, program pembangunan kapasiti serta inisiatif kerajaan berkaitan usahawan wanita bukan sahaja di negeri Selangor tetapi di Malaysia.

Cadangan ini dilihat penting bagi mengurangkan pecahan maklumat dan sistem birokrasi yang sering menjadi cabaran utama kepada usahawan, khususnya di peringkat mikro dan komuniti. Dalam situasi krisis seperti yang sedang berlaku di Asia Barat, akses pantas kepada maklumat berkaitan bantuan kewangan, geran kecemasan, peluang pasaran dan sokongan logistik adalah kritikal bagi memastikan kelangsungan operasi perniagaan.

Selain itu, kewujudan sistem yang lebih terselaraskan dan inklusif akan membantu memastikan penyampaian bantuan yang lebih saksama, termasuk kepada usahawan wanita di kawasan luar bandar dan komuniti yang kurang mempunyai akses kepada maklumat digital.

2. Transformasi Budaya Kerja Melalui Amalan Kerja Mesra Keluarga

Memperkukuh dasar kerja fleksibel seperti *Work From Home (WFH)* dan *Flexible Work Arrangement (FWA)* sebagai antara strategi penting dalam memperkasakan penyertaan wanita dalam ekonomi dan pengukuhan institusi keluarga. Ketidaktentuan ekonomi dan peningkatan kos sara hidup akibat krisis global telah meningkatkan beban penjagaan keluarga yang kebanyakannya

ditanggung oleh wanita. Oleh itu, pendekatan kerja yang lebih fleksibel dilihat mampu membantu wanita mengekalkan penglibatan dalam sektor pekerjaan dan keusahawanan sekaligus mampu memperkukuh peranan lelaki mengenai tanggungjawab bersama (*share-responsibility*).

Dalam masa yang sama, pengalaman semasa pandemik COVID-19 menunjukkan bahawa pendekatan kerja fleksibel bukan sahaja mampu meningkatkan keseimbangan kerja dan kehidupan (*work-life balance*), malah turut membantu mengurangkan kos operasi dan meningkatkan produktiviti bagi sektor tertentu. Sehubungan itu, pendekatan kerja fleksibel dicadangkan untuk diperkasa sebagai sebahagian daripada dasar ekonomi dan tenaga kerja jangka sederhana dan panjang yang lebih inklusif dan responsif terhadap perubahan struktur pekerjaan semasa.

3. Peralihan daripada Ekonomi Subsidi kepada Ekonomi Mampan dan Berdaya Tahan

Pendekatan pembangunan ekonomi wanita dalam keusahawanan perlu beralih daripada kebergantungan kepada bantuan kewangan bersifat *one-off* kepada pembangunan kapasiti strategik dan daya tahan jangka panjang. Dalam konteks ini, fokus perlu diberikan kepada pembangunan kemahiran perancangan perniagaan ketika krisis, pengurusan risiko dan pembangunan pelan luar jangka (*contingency planning*) bagi membantu usahawan menghadapi ketidakpastian ekonomi pada masa hadapan.

Selain itu, konsep *Succession Empowerment* turut diketengahkan, di mana usahawan wanita yang telah berjaya dibimbing untuk menjadi mentor kepada usahawan mikro dan komuniti lain. Pendekatan ini dilihat mampu membangunkan ekosistem ekonomi wanita yang lebih mampan dan bersifat kolektif, di mana kejayaan individu dapat memberi limpahan manfaat kepada komuniti yang lebih luas.

4. Pendigitalan Pintar dan Penguasaan Teknologi AI

Mengarusperdanakan penggunaan teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI) dalam kalangan usahawan wanita adalah penting bagi meningkatkan kecekapan operasi dan daya saing perniagaan. Dalam menghadapi gangguan rantaian bekalan dan peningkatan kos operasi akibat krisis global, teknologi AI boleh dimanfaatkan untuk pelbagai tujuan termasuk analisis ramalan pasaran, pengurusan inventori secara pintar, automasi pemasaran digital dan pengoptimuman kos operasi.

Pendekatan ini bukan sahaja membantu usahawan membuat keputusan perniagaan yang lebih tepat dan responsif, malah turut menyediakan usahawan wanita dengan kemahiran masa hadapan (*future-ready skillsets*) yang diperlukan untuk bersaing dalam ekonomi digital global. Selain itu, penggunaan platform digital dan AI juga dilihat mampu membuka peluang pasaran yang lebih luas kepada usahawan wanita, termasuk di peringkat serantau dan antarabangsa.

5. Penilaian Impak Melalui Survei Keperluan Pantas

Rapid Needs Assessment atau Survei Penilaian Keperluan dilaksanakan secara berkala bagi memantau secara langsung kesan krisis Asia Barat terhadap usahawan dan golongan rentan. Pendekatan ini penting bagi memastikan setiap intervensi yang dilaksanakan adalah bersifat *evidence-based* dan benar-benar memenuhi keperluan sektor serta kumpulan yang paling terkesan.

Melalui pengumpulan data yang lebih cepat dan bersasar, kerajaan dan agensi berkaitan dapat mengenal pasti perubahan kos operasi, gangguan bekalan, tekanan aliran tunai serta cabaran sektor tertentu secara lebih tepat dan responsif. Selain itu, pendekatan ini juga akan membantu memperkukuh keupayaan kerajaan negeri dalam merangka dasar dan intervensi yang lebih tepat terhadap perubahan ekonomi global pada masa hadapan.

LENSA PERBINCANGAN MEJA BULAT





**JAWATANKUASA TETAP PEMBERDAYAAN WANITA & KELUARGA,
KEBAJIKAN MASYARAKAT DAN EKONOMI PENJAGAAN (*CARE ECONOMY*)
NEGERI SELANGOR**

Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan



WANITA BERDAYA SELANGOR SDN. BHD.
Level G, Bangunan IDCC, Jalan Pahat L 15/L
Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan



Imbas untuk ke laman sesawang